

**GARIS PANDUAN AMALAN BAIK:**

**PENGAKREDITAN PEMBELAJARAN  
BERASASKAN PENGALAMAN TERDAHULU**

## GLOSARI

### **Akreditasi pembelajaran berasaskan pengalaman terdahulu:**

Satu proses sistematik yang melibatkan identifikasi, dokumentasi dan penilaian terhadap pembelajaran berasaskan pengalaman terdahulu seperti ilmu pengetahuan, kemahiran dan sikap, untuk menentukan tahap seseorang individu mencapai hasil pembelajaran yang diinginkan, bagi mengakses sesuatu program pengajian.

### **Amalan baik:**

Amalan baik adalah satu set norma yang diterima pakai di peringkat antarabangsa yang patut dipenuhi bagi mengekalkan kualiti yang tinggi.

### **Kemasukan terbuka:**

Merujuk kepada syarat kemasukan yang relevan kepada golongan dewasa yang mempunyai pengalaman pembelajaran dan boleh dinilai untuk tujuan kemasukan ke sesuatu program pengajian.

### **Kerangka Kelayakan Malaysia:**

Satu instrumen yang mengklasifikasikan kelayakan berdasarkan satu set kriteria yang diiktiraf di peringkat kebangsaan dan menjadi penanda aras terhadap amalan terbaik di peringkat antarabangsa.

### **Kursus:**

Kursus ialah komponen sesuatu program. Istilah kursus boleh ditukar ganti dengan modul atau unit.

**Pembelajaran formal:**

Pembelajaran yang disengajakan/program pengajian yang disampaikan dalam satu konteks yang terancang dan berstruktur (pra-sekolah, sekolah rendah, sekolah menengah, kolej teknikal dan univesiti) yang boleh membawa kepada penganugerahan formal/kelayakan yang diiktiraf.

**Pembelajaran tidak formal:**

Pembelajaran secara berterusan sepanjang hidup serta pengalaman kerja (juga dikenali sebagai pembelajaran berasaskan pengalaman). Ia biasanya pembelajaran yang diperolehi secara tidak disengajakan.

**Pembelajaran bukan formal:**

Pembelajaran yang selari dengan sistem pendidikan dan latihan arus perdana. Ianya boleh dinilai tetapi lazimnya tidak akan membawa kepada pensijilan yang formal.

**Pembelajaran terbuka:**

Pembelajaran terbuka mewakili pendekatan-pendekatan yang memfokuskan kepada akses terbuka kepada pendidikan dan latihan, membebaskan para pelajar daripada kekangan masa dan tempat, serta menawarkan peluang pembelajaran yang fleksibel kepada individu ataupun kumpulan pelajar.

**Program:**

Satu set kursus yang dirangka bagi sesuatu tempoh dan jumlah pembelajaran yang spesifik bagi mencapai hasil pembelajaran yang dinyatakan, yang kebiasaannya menjurus kepada pengiktirafan sesuatu kelayakan.

## **ISI KANDUNGAN**

### **BAHAGIAN 1 : PENGENALAN**

- 1.1 Definisi APEL
- 1.2 Tujuan Garis Panduan

### **BAHAGIAN 2 : PRINSIP-PRINSIP TERAS APEL**

### **BAHAGIAN 3 : FAEDAH-FAEDAH APEL**

- 3.1 Faedah kepada Pelajar
- 3.2 Faedah kepada Institusi
- 3.3 Faedah kepada Majikan
- 3.4 Faedah kepada Negara

### **BAHAGIAN 4 : DASAR APEL NEGARA**

- 4.1 Kriteria Kemasukan
- 4.2 MQA Sebagai Pusat Penilaian Utama APEL
- 4.3 Kuota bagi Pengambilan Pelajar APEL

### **LAMPIRAN : CARTA ALIR BAGI PROSES PENILAIAN APEL YANG GENERIK**

## BAHAGIAN 1: PENGENALAN

Suruhanjaya Eropah mendefinisikan pembelajaran sepanjang hayat sebagai 'segala aktiviti pembelajaran sepanjang hayat, dengan matlamat untuk meningkatkan pengetahuan, kemahiran dan kompetensi, dalam lingkungan peribadi, sivik, sosial dan/atau perspektif berkaitan pekerjaan.' Pembelajaran sepanjang hayat adalah berkaitan dengan pemberian peluang kedua bagi mengemaskinikan kemahiran asas dan menawarkan peluang pembelajaran pada peringkat yang lebih tinggi. Semua ini bermaksud bahawa peruntukan sistem formal perlu lebih terbuka dan fleksibel, supaya peluang-peluang tersebut benar-benar boleh dibentuk kepada keperluan pelajar yang berpotensi (EASE, 2007).

Kerajaan Malaysia telah menyedari akan kepentingan pembelajaran sepanjang hayat untuk dilaksanakan sebagai agenda utama dalam mencapai pembangunan sumber manusia negara. Pembelajaran sepanjang hayat merupakan salah satu matlamat terpenting yang perlu dicapai dalam RMK 9 dan RMK 10 untuk membangunkan masyarakat berilmu bagi mencapai matlamat sebagai negara membangun menjelang tahun 2020. Oleh itu, sudah tiba masanya untuk aktiviti pembelajaran sepanjang hayat diiktiraf sebagai sebahagian daripada arus perdana sistem pendidikan bagi memacu pembangunan sumber manusia kita.

Berlandaskan kepada agenda negara, pada tahun 2007, Kementerian Pengajian Tinggi telah melancarkan Pelan Strategik Pengajian Tinggi Nasional yang menyatakan visi untuk mentransformasi pengajian tinggi di Malaysia mulai sekarang sehingga 2020 dan seterusnya. Transformasi pendidikan ini bermatlamat terutamanya kepada pembangunan sumber manusia secara holistik untuk melahirkan warga Malaysia yang intelegnya aktif, kreatif dan inovatif, beretika dan bermoral tinggi, mampu beradaptasi dan berkeupayaan dalam berfikiran kritikal. Tujuh teras strategik telah digariskan dalam Pelan tersebut. Secara khususnya, Teras ke-6: Membudayakan Pembelajaran Sepanjang Hayat bertujuan untuk mencapai empat matlamat, antaranya pengiktirafan pembelajaran sepanjang hayat melalui Kerangka Kelayakan Malaysia (MQF). Salah satu elemen utama yang diperlukan ialah pengiktirafan pembelajaran bukan

formal dan tidak formal melalui Pengakreditasi Pembelajaran Berasaskan Pengalaman Terdahulu (APEL). Peruntukan untuk APEL seperti yang dinyatakan dalam MQF akan membolehkan para pelajar mencapai kemajuan dalam konteks pembelajaran sepanjang hayat bagi memperluaskan penyertaan pelajar dewasa dan mobiliti para pelajar.

APEL berfungsi sebagai satu jalan kemasukan 'alternatif' dan cara untuk memperoleh kredit dalam program pengajian, mengekalkan MQF terbuka kepada pengiktirafan terhadap nilai pembelajaran yang diperoleh di luar sistem pendidikan formal. Ianya adalah kritikal kepada pembangunan pendidikan tinggi yang bersifat terbuka, inklusif, mudah akses serta berintegrasi dalam konteks Malaysia, bagi membenarkan para pelajar mendapatkan pembelajaran formal, bukan formal dan tidak formal untuk dinilai berpandukan hasil pembelajaran dan penghuraian tahap MQF.

APEL menggalakkan para pelajar untuk meningkatkan kemahiran dan pengetahuan secara berterusan melalui pendidikan dan latihan yang berstruktur, menjurus ke arah kelayakan formal dan hasil pekerjaan yang lebih baik.

### **Sejarah Sistem Kemasukan Terbuka di Malaysia**

Amalan kemasukan terbuka bukan suatu fenomena baru di Malaysia kerana beberapa institusi konvensional telah menyediakan laluan kemasukan alternatif kepada pelajar-pelajar bukan tradisional untuk memasuki program pengajian mereka. Laluan alternatif ini kebiasaannya adalah untuk pelajar matang yang mungkin tidak memenuhi keperluan kemasukan tetapi mempunyai pengalaman yang berkaitan, untuk memasuki program pengajian. Jenis kemasukan ini memperlihatkan sedikit persamaan dengan amalan terkini kemasukan terbuka yang diperkenalkan oleh Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) pada 2006.

Kementerian telah meluluskan penubuhan tiga universiti terbuka; Universiti Terbuka Malaysia (OUM), Universiti Tun Abdul Razak (UniRAZAK) dan Universiti Terbuka Wawasan (WOU) untuk

mempraktikkan sistem kemasukan terbuka, bagi mempromosikan pembelajaran terbuka secara lebih agresif dan berkesan. Sistem berkenaan membolehkan amalan kemasukan yang lebih fleksibel oleh institusi-institusi dalam menyediakan pendidikan tinggi kepada para pelajar dewasa yang mungkin dinafikan peluang-peluang berkenaan menerusi laluan konvensional. Universiti-universiti ini bertindak sebagai pengamal yang mempelopori pembelajaran terbuka dalam negara dan memperlihatkan pembangunan yang signifikan dalam pendemokrasian dan perluasan pendidikan tinggi.

Lembaga Akreditasi Negara kemudiannya menerbitkan Kod Amalan Penjaminan Kualiti dalam Sistem Kemasukan Terbuka pada Mei 2006, bagi membimbing institusi membangunkan kriteria dan prosedur mereka untuk memastikan bahawa pemilihan para pelajar dalam sistem kemasukan terbuka memenuhi keperluan yang berkualiti.

Memandangkan potensi perkembangan dalam pembelajaran terbuka, pihak Kementerian seterusnya meluluskan penubuhan tiga lagi institusi pada 2008, iaitu, Asia e University (AeU), Pusat Pendidikan Kewangan Islam Antarabangsa (INCEIF) dan Universiti Antarabangsa Al-Madinah (MEDIU), bagi melaksanakan kemasukan secara terbuka.

Pada masa sekarang, pembelajaran sepanjang hayat dilaksanakan secara meluas merentasi pelbagai peringkat di Malaysia. Terdapat pelbagai pihak yang terlibat dalam peruntukan untuk program pembelajaran sepanjang hayat di peringkat formal dan bukan formal, seperti universiti awam, institusi pasca menengah, institusi terbuka dan pengajian jarak jauh (ODL), MARA dan juga beberapa kementerian yang berkaitan. Sehingga Februari 2009, seramai 7,870 pelajar telah mendaftar dalam program separuh masa pada peringkat Diploma dan Sijil di Politeknik, manakala sehingga Jun 2009, seramai 56,056 pelajar telah mendaftar dalam kursus jangka pendek di Kolej Komuniti, 8,000 pelajar mendaftar dalam beberapa program di UniRAZAK, 2,336 di WOU dan 81 di AeU, (KPT, 2010). Pada tahun 2008, dianggarkan lebih daripada 50,000 pelajar mendaftar dalam program pendidikan separuh masa dan jarak jauh di pelbagai IPTA. Sehingga Mei 2010, sejumlah 66,252 pelajar telah mendaftar di OUM.

Penerimaan aktiviti sepanjang hayat telah membuka laluan kepada amalan APEL di negara ini di mana para pelajar boleh dianugerahkan kemasukan dan kredit bagi sesuatu program, dengan pengiktirafan pembelajaran tanpa mengambil kira bagaimana dan di mana ianya diperolehi. Oleh yang demikian, adalah diharapkan agar Garis Panduan ini akan menyediakan hala tuju dan menggalakkan operasi APEL yang efektif oleh pihak-pihak lain.

### **1.1 Definisi APEL**

Secara umumnya, istilah yang berbeza telah digunakan di pelbagai negara untuk menjelaskan aktiviti berkaitan akreditasi/pengiktirafan terhadap pembelajaran terdahulu, berdasarkan konteks. Sebagai contoh, *Accreditation of Prior Learning* (United Kingdom); *Recognition of Prior Learning* (Australia, Afrika Selatan, Scotland dan Ireland); *Recognition of Current Competency* (New Zealand); *Prior Learning Assessment and Recognition* (Kanada); dan *Prior Learning Assessment* (Amerika Syarikat). Kesemua istilah melibatkan tanggapan utama bahawa pembelajaran terdahulu harus diiktiraf tanpa mengira bagaimana dan di mana ianya diperolehi, asalkan pembelajaran adalah relevan kepada hasil pembelajaran atau kompetensi dalam sesuatu subjek atau program pengajian.

Dalam Akta Agensi Kelayakan Malaysia 2007 (Akta 679), pembelajaran terdahulu bermaksud ilmu pengetahuan, kemahiran atau sikap yang diperolehi sebelumnya dan mencakupi pengalaman terdahulu. APEL didefinisikan dalam MQF sebagai proses verifikasi pencapaian seseorang individu bagi satu set hasil pembelajaran yang diperolehi melalui pembelajaran formal, bukan formal dan tidak formal tanpa mengambil kira masa dan tempat.

Dalam Garis Panduan ini, APEL didefinisikan sebagai satu proses sistematik yang melibatkan identifikasi, dokumentasi dan penilaian pembelajaran berasaskan pengalaman terdahulu, seperti ilmu pengetahuan, kemahiran, dan sikap bagi



menentukan tahap di mana seseorang individu telah mencapai hasil pembelajaran yang diinginkan, sebagai akses kepada sesuatu program pengajian dan/atau penganugerahan kredit. Secara umumnya, proses APEL melibatkan penilaian pembelajaran berasaskan pengalaman, termasuk mana-mana yang masih belum dinilai atau dianugerahkan kredit sebelumnya.

Pembelajaran ini berkemungkinan diperoleh melalui kaedah formal, bukan formal dan tidak formal, termasuk persekolahan yang formal, pengalaman hidup dan pekerjaan, latihan, pengajian bebas, kerja sukarela, hobi dan pengalaman keluarga.

Antara contoh-contoh pembelajaran berasaskan pengalaman terdahulu termasuk ilmu pengetahuan, kemahiran dan sikap yang relevan yang diperoleh melalui:

- pengalaman kerja: sepenuh masa, separuh masa ataupun sambilan;
- kerja sukarela dan kemasyarakatan;
- tanggungjawab keluarga;
- hobi atau kegiatan waktu lapang;
- melatih dan membimbing orang lain;
- menghadiri dan menyertai seminar, persidangan dan bengkel;
- menghadiri kursus jangka pendek;
- kefasihan dalam bahasa-bahasa lain;
- pengajian persendirian dan penyelidikan; dan
- sebarang pengalaman hidup yang lain.

Garis Panduan ini menerima terma APEL untuk merangkumkan senarai aktiviti dan pendekatan yang digunakan secara formal bagi memperaku dan membuktikan secara umum, bahawa sewajarnya beberapa elemen pembelajaran yang teguh dan signifikan telah berlaku. Terma pembelajaran berasaskan pengalaman terdahulu seperti yang diguna pakai dalam Garis Panduan ini merangkumi pembelajaran formal, bukan formal dan tidak formal.

## 1.2 Tujuan Garis Panduan

Memperakui pentingnya peranan APEL dalam membudayakan pembelajaran sepanjang hayat, pihak MQA telah mengambil inisiatif untuk membangunkan Garis Panduan Amalan Baik: Akreditasi Pembelajaran Berasaskan Pengalaman Terdahulu. Inisiatif ini menandakan komitmen pihak MQA dalam menyokong pelaksanaan APEL sebagai satu elemen penting dalam sektor pendidikan tinggi dan latihan.

Tujuan Garis Panduan ini ialah untuk:

- menyokong amalan APEL sebagai sebahagian daripada agenda pendidikan sepanjang hayat di Malaysia, di samping mempromosikan kesedaran dan pemahaman awam tentang APEL;
- menyokong pelaksanaan peruntukan di bawah Seksyen 74-77, Akta Agensi Kelayakan Malaysia 2007 dan Peraturan Agensi Kelayakan Malaysia 2009 (Pembelajaran Terdahulu dan Pemindahan Kredit) yang dicadangkan; dan
- menyediakan satu set prinsip teras bagi menjamin ketekalan dalam pendekatan untuk akreditasi pembelajaran berasaskan pengalaman terdahulu.

Secara umumnya, Garis Panduan ini bertujuan menyediakan panduan atau sumber maklumat kepada:

- penyelaras, penasihat, penilai, moderator dan pemeriksa luaran yang terlibat dalam proses APEL;
- badan professional dan para majikan; dan
- pelajar sebagai bantuan yang berguna untuk mencari maklumat berkenaan dasar dan amalan APEL di institusi.

Diwujudkan hasil daripada perundingan intensif dengan pihak berkepentingan, garis panduan ini pada dasarnya bertujuan untuk mewujudkan keseragaman amalan menerusi perkongsian amalan baik merentasi pelbagai sektor pendidikan.

Walaupun bagaimanapun, garis panduan ini tidak bersifat preskriptif bagi memberi ruang kepada kepelbagaian amalan dan polisi APEL.

Garis Panduan ini harus dibaca bersama-sama dengan penerbitan-penerbitan berikut dan mana-mana penerbitan yang berkaitan pada masa akan datang:

- i. *Kerangka Kelayakan Malaysia*, Agensi Kelayakan Malaysia, 2007;
- ii. *Kod Amalan Akreditasi Program*, Agensi Kelayakan Malaysia, 2008; dan
- iii. *Kod Amalan Audit Institusi*, Edisi ke-2, Agensi Kelayakan Malaysia, 2009.

## BAHAGIAN 2: PRINSIP-PRINSIP TERAS APEL

Pelbagai pendekatan berbeza bagi akreditasi pembelajaran berasaskan pengalaman terdahulu (APEL) boleh dibangunkan dan digunakan oleh institusi-institusi bagi memenuhi keperluan serta matlamat para pelajar merentasi sektor yang berbeza. Tidak ada satu model APEL yang bersesuaian bagi kesemua kelayakan dan situasi.

Matlamat prinsip-prinsip teras APEL adalah bagi memastikan amalan yang berkesan dan kualiti yang terjamin untuk membolehkan semua pengguna Garis Panduan ini mempunyai keyakinan terhadap hasil APEL. Dengan mengenal pasti prinsip teras sebagai kayu ukur dalam lingkungan di mana semua peruntukan APEL harus beroperasi, maka ketekalan lebih berkemungkinan dapat dicapai.

Semua peruntukan APEL perlu disokong oleh prinsip-prinsip teras yang berikut:

- Pembelajaran berasaskan pengalaman terdahulu perlu diiktiraf tanpa mengambil kira bagaimana dan di mana ianya diperolehi, asalkan pembelajaran tersebut adalah berkaitan dengan hasil pembelajaran atau kompetensi;
- Penilaian harus berdasarkan bukti, sama rata, tiada prasangka, adil, fleksibel, sah dan boleh dipercayai;
- Penilaian perlu dijalankan oleh pakar / pengamal bagi isi kandungan subjek atau bidang kemahiran, dasar-dasar dan prosedur-prosedur;
- Kaedah penilaian perlu mengandungi tahap literasi<sup>1</sup> serta pengalaman para pelajar, justeru itu menyediakan cara-cara untuk pelajar menunjukkan hasil yang diperlukan.
- Keputusan perlu dipertanggungjawabkan, telus, serta tertakluk kepada rayuan dan ulasan;

- Maklumat dan perkhidmatan sokongan perlu dipromosikan secara aktif, mudah difahami dan mengenal pasti kepelbagaian para pelajar; dan
- Mekanisme penjaminan kualiti perlu jelas dan telus bagi memastikan keyakinan dalam keputusan.



---

\*Menurut UNESCO, literasi bermaksud kebolehan mengenal pasti, memahami, mentafsir, menghasilkan, berkomunikasi, mengira dan menggunakan bahan-bahan bercetak dan bertulis yang berhubung kait dengan pelbagai konteks. Literasi melibatkan satu kontinum pembelajaran yang mengupayakan seseorang individu untuk mencapai matlamatnya, membangunkan ilmu pengetahuan dan potensinya, dan mengambil bahagian sepenuhnya dalam masyarakat yang lebih luas.

## **BAHAGIAN 3: FAEDAH-FAEDAH APEL**

APEL telah dikenal pasti sebagai alat yang berpengaruh untuk membawa orang ramai ke dalam sistem pembelajaran – ia menjamin mereka bahawa mereka tidak perlu bermula tanpa sebarang asas dan kemahiran yang telah mereka miliki adalah berharga. Hasil Penyelidikan telah membuktikan bahawa APEL mempunyai banyak faedah kepada pelbagai pihak yang berkepentingan, iaitu para pelajar, institusi, pihak majikan serta negara.

### **3.1 Faedah kepada Pelajar**

APEL membantu pelajar untuk:

- meningkatkan keyakinan diri dan menambahkan motivasi untuk menyambung pengajian;
- mendapatkan akses dan pengiktirafan bagi kelayakan yang lebih tinggi;
- mendokumenkan ilmu pengetahuan, kemahiran, serta pengalaman dengan lebih baik menerusi penyediaan portfolio bukti;
- merancang untuk meneruskan pengajian dan pembangunan kerjaya peribadi;
- memetakan pembelajaran terdahulu dengan MQF bagi mengenal pasti tahap pencapaian;
- membangunkan kemahiran analitikal serta kemahiran belajar melalui proses pengambilan APEL itu sendiri;
- meningkatkan mobiliti serta keboleh pasaran; dan
- mengurangkan masa serta kos.

### **3.2 Faedah kepada Institusi**

APEL boleh membantu institusi pendidikan untuk:

- meningkatkan akses dan meluaskan penyertaan para pelajar yang bukan konvensional;
- menyokong pembangunan kurikulum; dan

- memperkayakan pengalaman pengajaran dan pembelajaran dengan kehadiran pelajar bukan konvensional.

### **3.3 Faedah kepada Majikan**

APEL mengiktiraf pembelajaran di tempat kerja untuk faedah kepada kedua-dua pihak iaitu majikan dan juga pekerja. Ia menyokong pembangunan staf. Majikan menggalakkan APEL kerana ia membantu organisasi berkenaan untuk:

- meningkatkan motivasi dan minat di tempat kerja di pihak pekerja;
- mengurangkan jumlah masa yang diperlukan untuk mendapatkan sesuatu kelayakan dan oleh itu, pekerja memperuntukkan masa yang kurang berada di luar tempat kerja;
- menjana idea-idea baru bagi pembangunan di tempat kerja hasil daripada proses refleksi terhadap amalan semasa pekerja; dan
- meningkatkan pengekalan pekerja, serta mengurangkan kos pengambilan pekerja baru dan latihan.

### **3.5 Faedah kepada Negara**

APEL membawa pelbagai manfaat kepada negara iaitu melalui:

- pembudayaan pembelajaran sepanjang hayat bagi tujuan peningkatan tenaga kerja dan sejajar dengan aliran k-ekonomi global (ekonomi berasaskan pengetahuan);
- peningkatan produktiviti melalui perolehan kemahiran serta ilmu pengetahuan tenaga kerja; dan
- melonjakkan daya saing negara di peringkat serantau serta global.

### 4.1 Kriteria Kemasukan

Pemohon hendaklah mematuhi kriteria kemasukan yang ditetapkan oleh Kementerian Pengajian Tinggi (MOHE) seperti yang berikut:

#### **Program di Peringkat Sijil**

Calon hendaklah berumur 19 tahun ke atas pada tahun permohonan dibuat serta memiliki pengalaman kerja yang berkaitan.

#### **Program di Peringkat Diploma**

Calon hendaklah berumur 20 tahun ke atas pada tahun permohonan dibuat serta memiliki pengalaman kerja yang berkaitan.

#### **Program di Peringkat Ijazah Pertama**

Calon hendaklah berumur 21 tahun ke atas pada tahun permohonan dibuat serta memiliki pengalaman kerja yang berkaitan.

#### **Program di Peringkat Ijazah Sarjana**

Calon hendaklah berumur 30 tahun ke atas pada tahun permohonan dibuat, memiliki sekurang-kurangnya STPM / diploma / setara (sebagai contoh, asasi) dengan pengalaman kerja yang berkaitan.

#### **Program di Peringkat Kedoktoran**

Calon hendaklah berumur 35 tahun ke atas pada tahun permohonan dibuat, memiliki sekurang-kurangnya Ijazah Pertama dalam bidang yang berkaitan atau setara, dengan 5 tahun pengalaman kerja yang berkaitan.



Semua pemohon adalah tertakluk kepada penilaian APEL yang dijalankan oleh MQA yang akan membawa kepada pemberian akses kepada program. Penilaian APEL yang berjaya, kemudiannya akan membenarkan pelajar untuk memohon bagi mengakses ke program pengajian di mana-mana institusi. Peruntukan APEL hanya akan dilaksanakan kepada warganegara Malaysia yang mencari pengiktirafan terhadap pembelajaran mereka yang terdahulu dan bukan satu peruntukan kepada bukan warganegara Malaysia. Kelayakan bagi memohon akses ke sesuatu program menggunakan APEL tidak menjamin kemasukan. Sebaliknya, bagi program profesional, keperluan kemasukan mesti mematuhi keperluan yang ditetapkan oleh badan profesional yang berkenaan.


#### **4.2 MQA Sebagai Pusat Penilaian Utama APEL**

Pihak MQA akan bertindak sebagai pusat penilaian utama bagi APEL. Peranan MQA sebagai pengendali APEL adalah seperti yang tertakluk di dalam Seksyen 74-77 (Bahagian VIII – Perkara 7) di dalam Akta Agensi Kelayakan Malaysia 2007.

#### **4.3 Kuota bagi Pengambilan Pelajar APEL**

5% kuota, daripada jumlah populasi pelajar dalam sesuatu masa, akan dikenakan kepada institusi kerana mereka dibangunkan khususnya bagi memenuhi keperluan pelajar tradisional.

**LAMPIRAN: CARTA ALIR BAGI PROSES PENILAIAN APEL YANG GENERIK**



NB: Tempoh masa untuk suatu penilaian akan bergantung kepada tahap kesukaran bagi memproses sesuatu permohonan.

## RUJUKAN

- Amichand, S, Ireland, M, Orynik, K, Potter, J & Kleef, JV 2007, *Quality assurance in PLAR: a guide for institutions*, vol. 2, Canadian Council on Learning, Canada.
- Australian Qualifications Framework Advisory Board 2007, *Australian Qualifications Framework: implementation handbook*, 4<sup>th</sup> edition, Australian Qualifications Framework Advisory Board, Carlton South, Victoria, pp. 91-97.
- Canadian Association for Prior Learning Assessment n.d., *Developing benchmarks for prior learning assessment and recognition*, viewed 28 May 2008, <[http://www.capla.ca/benchmark\\_en.php](http://www.capla.ca/benchmark_en.php)>
- Dyson, C & Keating, J 2005, *Recognition of prior learning: policy and practice for skills learned at work*, International Labour Office, Geneva.
- Malaysian Qualifications Agency 2007, *Malaysian Qualifications Framework*, Malaysian Qualifications Agency, Petaling Jaya, Selangor.
- Malaysian Qualifications Agency Act 2007 (Act 679)*
- Malaysian Qualifications Agency 2009, *Code of practice for institutional audit*, 2<sup>nd</sup> edition, Malaysian Qualifications Agency, Petaling Jaya, Selangor.
- Ministry of Higher Education Malaysia 2007, *National higher education strategic plan: laying the foundation beyond 2020*, Ministry of Higher Education Malaysia, Putrajaya.
- Monash University 2008, *Monash University Policy Bank*, viewed 8 May 2009, <<http://www.policy.monash.edu/policy-bank/academic/education/admissions/credit-policy.html>>.
- National Accreditation Board 2006, *Code of practice for quality assurance in the open entry admission system*, National Accreditation Board, Petaling Jaya, Selangor.
- National Qualifications Authority of Ireland 2006, *Principles and operational guidelines for the recognition of prior learning (RPL) in further and higher education and training*, National Qualifications Authority of Ireland, Dublin 1.
- Office for Official Publications of the European Communities 2009, *ECTS users' guide*, Office for Official Publications of the European Communities, Luxembourg.
- Organisation for Economic Co-operation and Development n.d., *Recognition of non-formal and informal learning*, viewed 4 March 2009,

<[http://www.oecd.org/document/25/0,3343,en\\_2649\\_39263238\\_37136921\\_1\\_1\\_1\\_1,00.html](http://www.oecd.org/document/25/0,3343,en_2649_39263238_37136921_1_1_1_1,00.html)>.

Queensland Government 2006, *Recognition of prior learning and skills first*, viewed 28 May 2008,  
<[http://www.trainandemploy.qld.gov.au/client/jobs\\_and\\_careers/skills\\_recognition/rpl.html](http://www.trainandemploy.qld.gov.au/client/jobs_and_careers/skills_recognition/rpl.html)>.

Queensland Government 2007, *Credit for previous experience*, viewed 28 May 2008,  
<[http://www.trainandemploy.qld.gov.au/client/apprenticeships\\_and\\_traineeships/credit\\_previous\\_exper.html](http://www.trainandemploy.qld.gov.au/client/apprenticeships_and_traineeships/credit_previous_exper.html)>.

Queensland University of Technology 2009, *Advanced Standing*, viewed 8 May 2009,  
<[http://www.mopp.qut.edu.au/E/E\\_04\\_02.jsp?view=print](http://www.mopp.qut.edu.au/E/E_04_02.jsp?view=print)>.

*SCQF Handbook* 2007, vol. 2, viewed 4 August 2008,  
<[www.scqf.org.uk/Resources/Downloads.aspx](http://www.scqf.org.uk/Resources/Downloads.aspx)>.

Saskatchewan Advanced Education and Employment 2006, *Recognition of prior learning (RPL): referral guide*, 5<sup>th</sup> edn, Saskatchewan Advanced Education and Employment, Regina, SK.

South African Qualifications Authority 2004, *Criteria and guidelines for the implementation of the recognition of prior learning*, South African Qualifications Authority, Pretoria.

The Quality Assurance Agency for Higher Education 2004, *Guidelines on the accreditation of prior learning*, The Quality Assurance Agency for Higher Education, Gloucester.

United Nations Educational, Scientific and Cultural Organization 2002, *Open and distance learning: trends, policy and strategy considerations*, United Nations Educational, Scientific and Cultural Organization, Paris.

United Nations Educational, Scientific and Cultural Organization 2006, *Synergies between formal and non-formal education*, United Nations Educational, Scientific and Cultural Organization, Paris, pp. 56-62.